



**KERATAN AKHBAR**  
**28 Jul2021 (Wednesday)**

**Berita Harian**

- Pegawai tadbir MBSA hadapi 4 tuduhan rasuah 1  
Selangor komited sedia kemudahan bantu PKS 2  
'Saya risau JDT bukan Selangor' 3

**Utusan Malaysia**

- Kerajaan negeri siasat dakwaan 4  
Pegawai tadbir MBSA nafi terima RM36,000 5  
JDT sukar digugat jika semua 'menjadi' 6

**Harian Metro**

- Tak mengaku terima suapan rm36k 7  
'Kami kini asnaf sementara' 8  
Geran Padanan Digitalisasi bantu PKS Selangor 9

**Kosmo**

- Tropicana cari rakan kerjasama baharu 10

**Sinar Harian**

- 30 syarikat pemula sertai SAP 2021 11  
Mohd Yazid dilantik YDP MPS baharu 12  
Sultan Selangor terima menghadap perwakilan 13  
JDT tak gentar Gergasi Merah 14

**Berita Harian Online**

- JDT tak risau ancaman Selangor 15  
Pegawai tadbir MBSA didakwa terima rasuah RM36,000 16  
Selangor komited sedia kemudahan bantu PKS 17

**KOSMO Online**

- Pegawai tadbir MBSA mengaku tidak bersalah terima rasuah 18

**Malaysiakini Online**

- Sistem perkongsian data lambat 10 bulan, kata Dr Dzul 19

**myMetro On-line**

- Man Kidal kini asnaf sementara 20  
Pegawai tadbir MBSA didakwa terima rasuah RM36,000 21

**Selangor TV**

- Bakul Makanan Dun Bukit Melawati, Bantu Kurangkan Beban Perbelanjaan 22  
JPS Bina Tembok, Elak Risiko Air Pasang Besar 23  
MPS Kutip Cukai Taksiran RM51.38 Juta 24

**Sinar Harian Online**

- 30 syarikat pemula terpilih sertai SAP 2021 25  
Kurniawan rombak The Rhinos berdepan Tok Gajah 26  
Mohd Yazid YDP Majlis Perbandaran Selayang baharu 27  
Sasar 1,600 dos vaksin di Dewan Serbaguna MBSJ 28  
Sultan Selangor sumbang beras kepada orang asli 29



Sultan Selangor terima menghadap Ketua Perwakilan Malaysia baru	30
<b>Utusan Malaysia Online</b>	
MBPJ bantu penjaja tanpa lesen	31
MBSA sedia saluran cukai taksiran dalam talian	32
Pegawai tadbir MBSA mengaku tidak bersalah terima rasuah RM36,000	33
Sultan Selangor terima menghadap Ketua Perwakilan Malaysia baru	34
<b>The Star</b>	
COUNCIL MATTERS	35
Govt is all for making workplaces safer for employees	36
MARKET CLOSURE	37
More revenue needed for Klang city aspirations	38
SELANGOR AID	39
PJ folk given greater voice	40
Seven caught dumping rubbish in market area	41
Special committee to hear objections to Selayang draft plan	42
Mayor's contribution kick-starts Subang Jaya food bank project	43
MBSA remains steadfast to its low carbon city goal	44
Five pillars to give Selangor's economy a lift	45
Return to the House of Altercation	46
<b>The Sun</b>	
SAP 2021: Five major pillars to reboot Selangor economy	47
<b>New Straits Times Online</b>	
Assemblyman claims received complaint about food supply problems at Serdang Hospital	48
<b>The Malaysian Reserve</b>	
Selangor Accelerator Programme to focus on new norms biz	49
<b>The Star Online</b>	
Selangor officials detained for alleged corruption should be suspended from duties	50
<b>China Press</b>	
30 companies selected to participate in SAP 2021	51
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
Li Fuhao: Fear of loss of control without isolation bracelets	52
Low Kwee Sia: Relaxation may exacerbate outbreak, SOPs still needed after vaccination completion	53
<b>Guang Ming Daily</b>	
6 hawkers confirmed cases; Taman Suntex Pasar closed for 7 days.	54
Starting next month 2nd; Majlis Perbandaran Selayang 4 pasar closed every Monday.	55
Suspected of taking bribes for cleaning service bids; City Hall officer was charged with 4 crimes.	56



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pegawai tadbir MBSA hadapi 4 tuduhan rasuah
Muka Surat	:	17

# Pegawai tadbir MBSA hadapi 4 tuduhan rasuah

Mengaku tidak bersalah terima RM36,000 babit tender khidmat pembersihan awam

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Seorang pegawai tadbir Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM36,000 pada 2014.

Azlan Dolah, 45, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacak terhadapnya di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kertas pertuduhan, Azlan sebagai pegawai tadbir Gred N44 didakwa menerima suapan berjumlah RM36,000 daripada seorang individu menerusi empat cek pada Jun dan Julai 2014.

Tertuduh didakwa menerima suapan berkaitan tender Perkhidmatan Pembersihan Awam di Zon SA25 (A) Seksyen 32, Shah Alam, untuk MBSA.

Justeru, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 165 Kanun Kesejahteraan (Akta 574).

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara hingga



Azlan tiba di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Su ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Fadhliz Ab Wahab.

Pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin warganegara berserta syarat tambahan perlu menyerahkan pasport bagi simpanan mahkamah dan melaporkan diri di Pejabat SPRM Selangor pada minggu pertama setiap bulan.

Peguam, Azizzul Shariman

Mat Yusoff yang mewakili tertuduh pula meminta mahkamah mengurangkan jaminan kerana tertuduh digantung tugas hingga kes selesai dan hanya akan menerima separuh gaji bulanan.

Beliau berkata, tertuduh juga perlu menyara tiga anak dan isteri, selain menanggung ibu menghidap penyakit kencing manis serta strok, dan bapa yang juga pesakit kanser.

Mahkamah kemudian menetapkan ikat jamin RM13,000 dengan syarat tambahan, dan tarikh sebutan semula kes pada 25 Ogos ini.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor komited sedia kemudahan bantu PKS
Muka Surat	:	29

# Selangor komited sedia kemudahan bantu PKS

**Selangor** akan terus menyediakan kemudahan bagi menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat pemula nia- ga mendepani cabaran dalam perniagaan dengan beralih ke arah digital.

Pengerusi Jawatankuasa Tapak Pelaburan, Industri dan Perdagangan, Perusahaan Kecil dan Sederhana, Datuk Teng Chang Khim, berkata pandemik yang melanda menjelaskan syarikat tradisional, akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlanjut.

Beliau bagaimanapun berkata, masih terdapat perniagaan berkaitan teknologi pertanian, teknologi perbankan, teknologi hijau, e-dagang dan perbandaran pintar menunjukkan peningkatan memberangskan.

"Penyelesaian e-dagang, teknologi perbankan dan perbandaran pintar sangat relevan pada ketika ini bagi memastikan perniagaan masih dapat diteruskan walaupun dalam keadaan masih menjaga keselamatan."

"Ini adalah fokus utama kerajaan Selangor untuk memulihkan ekonomi melalui digitalisasi, penggunaan teknologi dalam operasi perniagaan dan menjamin keselamatan makanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan siri keempat Selangor Accelerator Programme

(SAP) 2021, inisiatif di bawah Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEK) secara maya, semalam.

Mengulas lanjut, Chang Khim berkata, Selangor melancarkan pelbagai siri program pendigitalan seperti empat pusingan kempen Selangor e-Bazar dengan jumlah pembentukan sebanyak RM7 juta.



Teng Chang Khim

Beliau berkata, kempen e-Bazar itu memberi manfaat kepada hampir 300,000 peniaga dalam talian termasuk 75,000 peniaga baharu, menjana jualan langsung sebanyak RM145 juta, sekali gus memberi impak RM2.95 bilion kepada ekonomi Selangor.

Kerajaan Selangor juga, katanya, terus memberi sokongan kepada PKS melalui Geran Padanan Digitalisasi PKS Selangor yang bertujuan untuk membantu PKS mengambil langkah pertama untuk mendigitalisasikan perniagaan.

Inisiatif itu, tegasnya, diharap dapat memberi manfaat kepada 1,000 PKS Selangor dengan geran keseluruhan bernilai RM5 juta.

"Untuk kumpulan pertama, kami mengagihkan RM1.2 juta kepada 280 PKS daripada 492 permohonan. PKS boleh mula mendaftar untuk kumpulan kedua geran ini mulai 1 Ogos sehingga 31 Oktober 2021," katanya.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Saya risau JDT bukan Selangor'
Muka Surat	:	37

Liga Super

# 'Saya risau JDT bukan Selangor'

**Mora ambil sikap waspada bertandang ke laman Red Giants**

Oleh Rizar Mohd Noor  
rizar@mediaprime.com.my

**Johor Bahru:** Johor Darul Ta'zim (JDT) mengambil pendekatan berwaspada apabila turun menentang Selangor FC pada aksi Liga Super di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), malam ini.

Pengendali pasukan, Benjamin Mora mengakui tugas rumit bakal menanti mereka berdepan skuad kendalian Karsten Neitzel, namun sudah bersedia meneruskan momentum kemenangan.

"Sudah tentu saya inginkan kemenangan bertemu Selangor FC. Bermain dengan corak per-

mainan yang lebih konsisten selain pemain diturunkan nanti tampil dengan lebih agresif dan mengikut taktikal dirancang.

"Pemain perlu fokus apabila beraksi di padang dan ia penting untuk tampil dengan prestasi lebih baik dan itu yang yang saya harapkan. Dari situ baru saya dapat nilai kerana saya tidak bimbang dengan prestasi Selangor FC."

"Saya tidak terlalu risaukan Selangor FC, saya risau akan JDT. Saya risaukan permainan JDT, sebabnya jika JDT melakukan tugasnya secara 100 peratus, ia akan menjadi sangat sukar untuk pasukan lawan mendapatkan peluang tapi jika kami tidak fokus dan memberikan peluang, mereka akan hukum kami," katanya.

Pada pertembungan pusingan pertama di Stadium Sultan Ibrahim pada 17 Mac lalu, JDT terikat 1-1 dengan skuad The Red Giants dan aksi kedua dilihat menarik taktala JDT mahu terus melebaran rekod kemenangan untuk kelalai tangga teratas.

Tegas Mora lagi, aksi 90 minit

perlawanan pasti menarik kerana bukan sahaja JDT mahukan kemenangan malah Selangor FC juga berazam untuk bangkit selepas mencatat keputusan seri 1-1 ketika menentang KL City FC.

Katanya, JDT tidak boleh ambil sikap mudah kerana Selangor FC adalah pasukan yang bagus walaupun ia berada di tangga kelima tapi menunjukkan semangat untuk melawan bagi merebut kejuaraan liga.

Katanya, saingan pada musim ini jelas sengit berikutan Terengganu FC, Kedah Darul Aman FC dan Penang FC sudah mula mempamerkan aksi mantap sekali gus memaksa JDT tidak boleh silap percaturan dan keciciran mata.

### Perlawanan

**LIGA SUPER**

**HARI INI**

**Sabah mln Sri Pahang 9 mlm**

**Melaka mln TFC 9 mlm**

**UITM mln Penang 9 mlm**

**Selangor mln JDT 9 mlm**



## KERATAN AKHBAR

**28 July 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kerajaan negeri siasat dakwaan
Muka Surat	:	8

# Kerajaan negeri siasat dakwaan

**SHAH ALAM:** Siasatan dan pengesahan sempadan hutan simpan perlu dilakukan terlebih dahulu bagi mengesahkan aktiviti pertanian yang didakwa melibatkan penanaman pokok durian di satu kawasan di Hutan Simpan Bukit Cerakah di Sungai Buloh benar-benar menceroboh.

Hal itu dijelaskan Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian yang memaklumkan pihaknya akan menyiasat dan mendapatkan maklumat terperinci berhubung dakwaan terbabit.

Bagaimanapun, Exco itu mengakui setakat ini beliau tiada maklumat berhubung perkara itu dan menegaskan tindakan akan diambil jika benar aktiviti pertanian itu menceroboh.

“Kita kena siasat dahulu sama ada tanah itu benar-benar di bawah hutan simpan ataupun tidak, kalau sah, kita kena ambil tindakan. Setakat ini yang saya tahu, pencerobohan hutan simpan di Selangor untuk penanaman durian tidak ada, tetapi pokok kelapa sawit banyak.

“Aduan boleh dibuat melalui Jabatan Perhutanan ataupun kepada saya,” katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Operasi Hutan) Norddin Noor pula menjelaskan, pihaknya juga perlu melakukan siasatan bagi memastikan status tanah kawasan hutan yang ditebang.

“Kita siasat dan buat pengesahan sempadan, ia atau tidak (berlaku pencerobohan). Kita hendak mengesahkan sempadan untuk menentukan sama ada kawasan yang mereka buat aduan itu hutan simpan ataupun bukan.

“Selepas itu, kalau betul hutan simpan, kita kena ambil tindakan menggunakan akta kita (Akta Perhutanan Negara 1984). Kalau bukan hutan simpan, kita tidak akan ambil tindakan,” kata beliau.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pegawai tadbir MBSA nafi terima RM36,000
Muka Surat	:	12



**AZLAN Dolah mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan rasuah berjumlah RM36,000 di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor.**  
- UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

# Pegawai tadbir MBSA nafi terima RM36,000

**SHAH ALAM:** Seorang pegawai tadbir Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM36,000, tujuh tahun lalu.

Tertuduh, Azlan Dolah, 45, membuat pengakuan itu selepas keempat-empat pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Berdasarkan pertuduhan, Azlan yang bertugas di MBSA Cawangan Kota Kemuning dituduh telah menerima wang tunai berjumlah RM36,000 daripada Mohamad Shaharom Alias melalui empat cek Hong Leong Bank Berhad tanpa sebarang balasan yang diketahui ianya ada kaitan dengan tugas rasmi berkenaan dengan tender Perkhidmatan Pembersihan Awam di Zon SA25(A) Seksyen 32, Shah Alam.

Pegawai Tadbir Gred N44 itu didakwa melakukan kesalahan terbabit di cawangan bank di Seksyen 15, di sini masing-ma-

sing pada 13 Jun dan 9 Julai 2014.

Bapa kepada tiga orang cahaya mata dengan pendapatan bulanan sebanyak RM6,000 itu didakwa telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan jika sabit 'kesalahan, dia boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Fadhli Ab. Wahab menawarkan jaminan RM20,000 bagi kesemua pertuduhan dengan syarat tambahan melapor diri di pejabat SPM terdekat pada setiap minggu pertama setiap bulan selain menyerahkan pasport antarabangsa milik tertuduh kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan jaminan RM13,000 dengan seorang penjamin warganegara. Kes disebut semula pada 25 Ogos ini.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	JDT sukar digugat jika semua 'menjadi'
Muka Surat	:	36

### Sukan



PEMAIN JDT menjalani latihan akhir kelmarin dalam persiapan menghadapi Selangor dalam perlawanan Liga Super di Petaling Jaya malam ini. - IHSAN JOHOR SOUTHERN TIGERS

# JDT sukar digugat jika semua 'menjadi'

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM  
utusannews@mediamulia.com.my

**+ JOHOR BAHRU:** Jika Johor Darul Ta'zim (JDT) mampu memberi aksi 100 peratus di atas padang, sukar untuk mana-mana lawan mengalahkan mereka, termasuk Selangor.

Ibu amaran pengendali Harimau Selatan, Benjamin Mora menjelang pertemuan 'dua gergas' bola sepak tempatan dalam saingan Liga Super di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) malam ini.

Kemenangan akan mengukuhkan kedudukan JDT selaku pendahulu liga, sekali gus terus berada di landasan untuk memburu kejuaraan kelapan berturut-turut.

"Saya tak hirau sangat tentang Selangor. Sekiranya pemain dapat menjalankan tugas dengan baik dan memberi tumpuan penuh 100 peratus di atas padang, sukar untuk pasukan lawan berpeluang meraih kemenangan.

"Jika pemain hilang fokus, ia akan memberi ruang kepada lawan untuk mendatangkan masalah. Kunci perlawanan terletak di tangan pemain, sejauh

### LIGA SUPER

#### JADUAL

#### HARI INI

SABAH LWN SRI PAHANG  
(Stadium Likas, 8.15 malam)

MELAKA UNITED LWN TERENGANU FC  
(Stadium Hang Jebat)

SELANGOR LWN JDT  
(Stadium MBPJ)

UITM FC LWN PENANG FC  
(Stadium UiTM, Shah Alam)

### LIGA PERDANA

#### JADUAL

#### HARI INI

KELANTAN FC LWN PDRM  
(Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu  
4.45 petang)

PERAK II LWN KELANTAN UNITED  
(Stadium Perak, Ipoh)

\*semua perlawanan bermula  
9 malam kecuali dinyatakan  
\*perlawanan tanpa penonton

mana mereka mampu beraksi baik," kata Mora.

Mora juga lega beberapa pe-

main utama seperti Leandro Velazquez dan Mauricio Dos Santos akan kembali menyertai kem Harimau Selatan dan cerdas untuk diturunkan.

"Velazquez akan kembali untuk aksi melawan Selangor.

"Dia sebelum ini digugurkan daripada kesebelasan utama menentang UiTM FC kerana mengalami kecederaan ringan dan kami tidak mahu mengambil risiko.

"Mauricio juga sudah pulih dan bersedia untuk aksi seterusnya," katanya.

Menurut jurulatih kelahiran Mexico itu, dia turut berharap Safawi Rasid yang menjaringkan satu gol ketika menewaskan UiTM FC 3-1 dalam aksi terakhir mampu memamer taringnya menentang Gergasi Merah.

Sementara itu, Selangor tidak boleh kecinciran mata lagi jika mahu mencabar kelompok teratas selepas diikat 1-1 oleh Kuala Lumpur dalam aksi terakhir, Sabtu lalu.

Berita kapten mereka, Brendan Gan disahkan mengidap kanser testis akan menguatkan semangat untuk memberi keceriaan buat bintang tengah itu.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tak mengaku terima suapan rm36k
Muka Surat	:	16

# Tak mengaku terima suapan RM36k

**Shah Alam:** Pegawai tadbir Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat tuduhan menerima suapan yang berjumlah RM36,000 pada 2014.

Tertuduh, Azlan Dolah, 45, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacak di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Azlan sebagai pegawai tadbir gred 44 didakwa menerima wang tunai keseluruhan berjumlah RM36,000 daripada individu yang sama menerusi empat cek pada Jun dan Julai 2014 sebagai suapan berkaitan tender Perkhidmatan Pembersihan Awam di Zon SA25 (A) Seksyen 32, Shah Alam untuk MBSA.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Kesekeaman (Akta 574) yang sabit kesalahan boleh dipenjara selama tempoh yang



AZLAN diiringi anggota SPRM ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

boleh sampai dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendak-

wa Raya Suruhanjaya Penegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Fadhliz Ab Wahab, manakala tertuduh diwakili peguam Azizzul Shariman

Mat Yusoff.

Terdahulu pendakwaan menawarkan jaminan RM20,000 dengan seorong penjamin dan syarat tambahan iaitu pasport diserahkan kepada mahkamah selain perlu melapor diri di Pejabat SPRM Selangor pada minggu pertama setiap bulan.

Azizzul Shariman merayu jaminan dikurangkan mengambil kira anak guamnya bakal digantung tugas sehingga kesnya selesai dan hanya memperoleh separuh daripada gaji bulannya sahaja.

Selain itu katanya, Azlan juga perlu menyara isteri dan tiga anaknya serta ibu yang menghidap kencing manis dan angin ahmar, manakala bapa menghidap kanser.

Mahkamah menetapkan jaminan RM13,000 bersama syarat tambahan dan sebutan semula pada 25 Ogos depan.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Kami kini asnaf sementara'
Muka Surat	:	18

# 'Kami kini asnaf sementara'

**Kuala Lumpur:** Ini semua Allah yang atur. Dia nak bagi rezeki macam ini," kata isteri Man Kidal, Norlaila Yusof berkenaan kehadiran pegawai Lembaga Zakat Selangor (LZS) ke rumah mereka di Damansara, Petaling Jaya, Jumaat lalu untuk menghulurkan bantuan barang keperluan asas.

Norlaila ketika dihubungi berkata, pada saat mereka mengalami kesempitan hidup akibat suaminya hilang mata pencarian sejak pularan Covid-19, bantuan ini amat berharga.

"Alhamdulillah, ada orang nak bagi. Kita dah dua tahun tak kerja. Ada orang bersimpati, kita nak tolak pun tak boleh. Saya tak min-ta apa-apa, tapi terkejut melihat mereka datang.

"Saya juga diminta isi barang bagi mendapatkan bantuan pada masa depan. Namun, nama Abang Man diletakkan asnaf dalam ku-rungan dan saya mulanya terkejut.

"Namun, saya fikir balik, apa nak malu. Orang nak cakap apa-apa terpulanglah. Kalau tak tolong tak apa, tapi janganlah kecam. Se-baliknya doakan yang baik-baik," katanya.

Menerusi bantuan ini, Man Kidal, 57, yang turut positif Covid-19 baru-baru ini, diletakkan dalam kategori asnaf sementara sehingga dapat bangkit semula.



MAN Kidal bersama isteri, Norlaila.

Bantuan terabit berupa wang bulanan, tunggakan bil utiliti dan sewa rumah.

Norlaila berkata, dia tidak mahu sesetengah pihak ter-salah anggap yang mereka meminta-minta.

"Memang ada kes begini sehingga sanggup hubungi anak saya kata macam-macam antaranya kamu tidak malu, kamu adik-beradik tak boleh tolong ibu bapa.

"Kami juga dikata meminta sana sini seperti peminta sedekah. Mestilah dia sedih sehingga menangis. Dia pun susah dan ada keluarga.

"Saya cakap terus terang kami bukan keturunan orang kaya yang banyak duit dan harta. Bila orang hu-lurkan bantuan apa salahnya saya terima. Orang ta-

nya apa lagi yang perlu. Saya luahkan benda yang jujur," katanya.

Menurutnya, tanpa di-sangka luahannya menerusi media mendapat respons yang baik termasuk dari LZS.

"Wakil LZS puji saya ker-na jujur cerita semua masalah tanpa perlu berselindung. Tiada sebab untuk sa-ya malu.

"Saya sedar ramai yang pertikai kenapa tak jual gitar? Ia samalah dengan kereta. Kalau perlu sangat nak cari rezeki ke sana dan ke sini, takkan nak dijual?

"Gitar itu Abang Man guna 40 tahun untuk bagi keluarga makan. Saya sangat meng-hargainya. Dia pun pesan kalau dia tiada nanti jangan bagi orang lain," katanya.



## KERATAN AKHBAR

**28 July 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Geran Padanan Digitalisasi bantu PKS Selangor
Muka Surat	:	24

# Geran Padanan Digitalisasi bantu PKS Selangor

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor terus memberi sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui Geran Padanan Digitalisasi PKS Selangor bagi membantu golongan itu mengambil langkah pertama untuk mendigitalisasikan perniagaan mereka.

Exco Perdagangan dan Industri Selangor, Datuk Teng Chang Khim berkata, akibat pandemik Covid-19 ini, banyak syarikat tradisional terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlanjut.

Namun katanya, perniagaan berkaitan teknologi pertanian, teknologi perbankan, teknologi hijau, e-dagang dan perbandaran pintar semakin berkembang pesat.

"Penyelesaian e-dagang, teknologi perbankan dan perbandaran pintar adalah sangat relevan ketika ini bagi memastikan perniagaan masih dapat diteruskan walaupun dalam keadaan mencabar sekarang. "Ini fokus utama kerajaan Selangor untuk memulihkan ekonomi melalui digitalisasi, penggunaan teknologi dalam operasi perniagaan dan dalam memastikan keselamatan negara terjamin," katanya pada majlis pelancaran *Selangor Accelerator Programme* (SAP) 2021 secara maya, semalam.

Teng berkata, Selangor juga melancarkan pelbagai siri program pendigitalan seperti empat pusingan kempen Selangor E-Bazar dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM7 juta.

Katanya, keempat-empat kempen E-Bazar berjaya memberi manfaat kepada hampir 300,000 peniaga dalam talian termasuk 75,000 peniaga baharu, menjana jualan langsung RM145 juta.

"Inisiatif ini diharap dapat memberi manfaat kepada 1,000 PKS Selangor dengan geran keseluruhan bernilai RM5 juta.

"Untuk kumpulan pertama, kami mengagihkan RM1.2 juta kepada 280 PKS daripada 492 pemohon.

"PKS boleh mula mendaftar untuk kumpulan kedua geran ini mulai 1 Ogos ini sehingga 31 Oktober depan," katanya.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Tropicana cari rakan kerjasama baharu
Muka Surat	:	31

# Tropicana cari rakan kerjasama baharu

**PETALING JAYA** – Pemaju hartanah, Tropicana Corporation Bhd. (Tropicana) kini mengintai peluang untuk menjalin kerjasama baharu sempena ulang tahun ke-25 Program Perkongsian Pintarnya yang telah berjaya menghasilkan pelbagai pembangunan ikonik di negara ini.

Pengasas dan Naib Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Tan Chee Sing berkata, program Perkongsian Pintar Tropicana bermula pada 1996 apabila Kumpulan melaksanakan kerjasama strategik dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk membangunkan perbandaran seluas 164 hektar di Tropicana Indah Resort Homes.

Menurut beliau, pada tahun 2010, Kumpulan berkongsi dengan Iskandar Waterfront Sdn. Bhd. untuk membangunkan pembangunan bercampur seluas 14.9 hektar, dikenali sebagai Tropicana Danga Bay, Johor.

Sejak itu, Tropicana telah dijemput menyertai pelbagai kerjasama dengan syarikat besar tempatan dan luar negara seperti Ivory Properties Group, Marriott International, HK-listed Agile Property Holdings Ltd., GEMS Education, MBI Incorporated, Tenby Schools and Temokin Development Sdn. Bhd.

“Sehingga kini, Kumpulan telah bekerjasama dengan 11 entiti dan menyiapkan lebih 45 projek daripada pembangunan bercampur, perbandaran, ke-



LUKISAN grafik projek hartaan bercampur, Tropicana Danga Cove yang telah mencatat jualan lebih daripada 95 peratus daripada pembeli.

diaman mewah, sekolah antarabangsa, pusat bell-belah sehingga hotel bertaraf dunia dengan jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) lebih RM13 bilion,” katanya dalam kenyataan.


Selain itu, Chee Sing berkata, pihaknya berbesar hati dengan kepercayaan yang telah diberikan dan disokong pengurusan berkebolehan serta tenaga kerja yang komited. Tropicana kini bersedia untuk menerima kehadiran lebih ramai rakan kerjasama.

“Kami juga memiliki lebih 849

hektar bank tanah dengan GDV lebih RM77 bilion di lokasi strategik di Lembah Klang, Genting Highlands, Langkawi dan Johor.

“Untuk memacu daya tahan perniagaan dan meningkatkan rancangan pengembangan, kami mengajak pemilik tanah untuk bergabung dan memanfaatkan kepakaran kami.

“Kumpulan juga mengalau-alukan mana-mana syarikat untuk bekerjasama membangunkan bank tanah secara bersama-sama,” jelas beliau.



PROJEK Tropicana Miyu, Petaling Jaya telah dilancarkan pada bulan September 2020.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	30 syarikat pemula sertai SAP 2021
Muka Surat	:	24

## 30 syarikat pemula sertai SAP 2021

**SHAH ALAM** - Sebanyak 30 daripada 165 syarikat pemula terpilih menyertai kohort keempat Program Accelerator Selangor (SAP) 2021 anjuran Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec).

Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Datuk Teng Chang Khim berkata, lima fokus utama tahun ini ialah bidang pertanian, teknologi perbankan, teknologi hijau, e-dagang dan perbandaran pintar atau Smart City Solutions.

Menurutnya, sembilan daripada syarikat terpilih menawarkan penyelesaian e-dagang, diikuti teknologi pertanian (6), teknologi perbankan (6), penyelesaian teknologi hijau (6), teknologi pendidikan (3) dan perbandaran pintar (1).

"Sebanyak 10 syarikat terbaik bakal membawa pulang faedah tambahan manakala lima lagi akan membawa pulang wang daripada kumpulan h a d i a h

wang tunai bernilai RM50,000 serta faedah tambahan lain," katanya pada perasmian SAP 2021 secara maya pada Selasa.

Turut hadir ialah penaja utama SAP 2021, Affin Bank diwakili Pengarah Eksekutif Perbankan PKS, Affin Bank, Lim Kee Yeong dan Ketua Pegawai Eksekutif Sidec, Yong Kai Ping.

Antara 30 syarikat terpilih ialah Arleta Tech Sdn Bhd, Boss Boleh Sdn Bhd, Bukit Bunga Dinamik Sdn Bhd, Deepagi Enterprise, Duittech International Sdn Bhd, EdaBeran Group Sdn Bhd, Emerging Payments Sdn Bhd, EMLAB Sdn Bhd, Geomax Rubber Innovative Products Sdn Bhd dan GFI Fintech Sdn Bhd.

Chang Khim berkata, pandemik Covid-19 menjekaskan syarikat lama sementara perniagaan teknologi pertanian, teknologi perbankan, teknologi hijau, e-dagang dan perbandaran pintar di-

lihat semakin berkembang. Jelasnya,

situasi itu menunjukkan penyelesaian e-dagang, teknologi perbankan dan perbandaran pintar sangat relevan bagi memastikan perniagaan dapat diteruskan walaupun dalam keadaan pandemik.

"Ini adalah fokus utama kerajaan Selangor memulihkan ekonomi melalui digitalisasi, penggunaan teknologi dalam operasi perniagaan, dan juga dalam memastikan keselamatan makanan terjamin.

"Selangor berjaya melancarkan pelbagai siri program pen-digitalan seperti empat pusingan kempen Selangor E-Bazar dengan jumlah pembayaran sebanyak RM7 juta memberi manfaat kepada hampir 300,000 peniaga dalam talian termasuk 75,000 peniaga baharu, menjana jualan langsung sebanyak RM145 juta," katanya.

SAP merupakan program berstruktur yang berlangsung selama tiga bulan bertujuan memberi persiapan agar 30 syarikat pemula itu bersedia untuk menerima pelaburan.

Lima syarikat terbaik juga akan berpeluang mendapatkan pelaburan.





## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Mohd Yazid dilantik YDP MPS baharu
Muka Surat	:	24

# Mohd Yazid dilantik YDP MPS baharu

## SELAYANG -

Bekas Timbalan Pengarah Timbalan Pengarah (Pengurusan) di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohd Yazid Sairi dilantik sebagai Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang baharu berkuat kuasa 19 Julai lalu.

Beliau menggantikan tempat Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor yang ditukarkan ke Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sebagai Setiausaha Bahagian Kanan (Mineral dan GeoSains) pada 20 Mei lalu.

Pada Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan di MPS pada Selasa, Mohd Yazid berkata, jawatan YDP MPS adalah satu amanah dan tanggungjawab yang besar untuk dilaksanakan dan memerlukan sokongan serta kerjasama ahli-ahli majlis serta pengarah jabatan dalam membentuk perancangan pembangunan dan peningkatan hasil MPS.



MOHD YAZID

“Selain fokus kepada isu kilang haram, isu-isu penguatkuasaan lain seperti pembuangan sampah haram, kacau ganggu, pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan lain-lain harus terus diberi perhatian,” katanya.

Katanya lagi, MPS turut meletakkan sasaran menjadikan Selayan sebuah bandar Rendah karbon dan Bazndar Pintar.

Mohd Yazid, 47, adalah lulusan Sarjana Pengurusan Strategik Sumber Manusia di Universiti Tun Abdul Razak mempunyai pengalaman lebih 21 tahun dalam perkhidmatan awam.

Beliau memulakan kerjaya Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selama 12 tahun sebelum berpindah ke Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat dengan kerajaan Selangor sebagai Timbalan Pengarah di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor terima menghadap perwakilan
Muka Surat	:	24

# Sultan Selangor terima menghadap perwakilan

Turut berangkat pada pertemuan itu Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima menghadap Ketua Perwakilan Malaysia baharu terdiri daripada empat Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi di Istana Bukit Kayangan, di sini baru-baru ini.

Selangor Royal Office yang muat naik status di Facebook memaklumkan, antara mereka yang diterima menghadap ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Darussalam, Datuk Raja Reza Shah Raja Zaib.

Kenyataan itu memberitahu, Raja Reza merupakan anak kelahiran Selangor yang sebelum ini Duta



FOTO: FB SELANGOR ROYAL OFFICE

Sultan Sharafuddin (tengah) dan Tengku Amir (depan, kanan) menerima menghadap Ketua Perwakilan Malaysia baharu terdiri daripada empat Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi di Istana Bukit Kayangan baru-baru ini.

Besar Malaysia ke Ukraine.

Menurut kenyataan itu, turut menghadap, Duta Besar Malaysia ke Belgium, Datuk Ahmad Roziān Abd Ghani yang sebelum ini memegang jawatan Ketua Pengarah Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia di Kementerian Luar.

Kenyataan itu memaklumkan, hadir sama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, Datuk Roslan Abdul Rahman yang pernah berkhidmat sebagai Duta Malaysia ke Azerbaijan dan Cuba serta,

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada, Anizan @ Siti Hajjar Adnin yang sebelum ini menjawat jawatan Penolong Setiausaha (Asia Tenggara) di Kementerian Luar.

"Pada pertemuan ini, Sultan Sharafuddin diberi taklimat ringkas mengenai isu-isu berkaitan hubungan antarabangsa di antara Malaysia dan negara-negara terlibat," kata kenyataan itu pada Selasa.

Turut berangkat pada pertemuan itu ialah, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.



## KERATAN AKHBAR

28 July 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JDT tak gentar Gergasi Merah
Muka Surat	:	37

Oleh MUHAMMAD  
ZAKWAN NAZARALY

Pendahulu Liga Super, Johor Darul Ta'zim (JDT) tekad untuk meraih tiga mata penuh ketika menentang Selangor FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Kelana Jaya pada Rabu.

Pengendali JDT, Benjamin Mora berkata, dia mengharapkan permainan terbaik dapat dipamerkan para pemainnya sekali gus membolehkan mereka membawa pulang tiga mata berharga di gelanggang Red Giants.

"Sudah tentu saya mahu sentiasa menang. Saya sentiasa harapkan satu permainan yang bagus dan saya harap pemain dapat lakukan kerja dengan bagus, maka tiada ruang untuk lawan mencipta peluang.

"Namun, jika kita tidak fokus dan beri peluang kepada lawan, maka lawan akan boleh mendatangkan masalah kepada pasukan. Selangor juga sebuah pasukan yang bagus dan ia akan menjadi perlawanan yang sukar buat kami," katanya.

Pengendali Selangor FC, Karsten Neitzel pula berkata, dia sudah merangka strategi terbaik buat Gergasi Merah bagi memerangkap skuad Harimau Selatan kali ini.

"Menentang JDT sentiasa menjadi perlawanan yang istimewa bukan sahaja kepada Selangor, tetapi juga kepada JDT.

# JDT tak gentar Gergasi Merah

FOTO: FB JOHOR SOUTHERN TIGERS



Barisan pemain JDT giat berlatih sebagai persiapan menentang Selangor FC di Stadium MBPJ, Kelana Jaya pada Rabu.

Apa yang paling penting adalah kami perlu berada pada tahap terbaik.

"Jika kami mampu tampil dengan aksi yang baik, maka kami akan boleh mendapatkan peluang. Saya sangat teruja untuk menghadapi JDT," ujarnya.

Untuk rekod, pertemuan pertama antara JDT dan Selangor FC musim ini me-

nyaksikan kedua-dua pasukan terikat 1-1 di Stadium Sultan Ibrahim pada 17 Mac lalu.

Selepas mengharungi 14 perlawanan, JDT masih gah menerajui carta Liga Super apabila mengumpul 33 mata manakala Selangor di tangga kelima dengan 20 mata.



# KERATAN AKHBAR

## 28 July 2021

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	JDT tak risau ancaman Selangor
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



# **KERATAN AKHBAR**

## **27 July 2021**

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Pegawai tadbir MBSA didakwa terima rasuah RM36,000
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



# KERATAN AKHBAR

## 27 July 2021

Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Selangor komited sedia kemudahan bantu PKS
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



## KERATAN AKHBAR

**27 July 2021**

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Pegawai tadbir MBSA mengaku tidak bersalah terima rasuah
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



# KERATAN AKHBAR

## 27 July 2021

Akhbar	:	Malaysiakini Online
Tajuk Berita	:	Sistem perkongsian data lambat 10 bulan, kata Dr Dzul
Muka Surat	:	-

**Paling Popular** Terkini

Doktor Aeban - Hore! Horekan-harap pasukan perangkuah kah lektik pindahan ini (14/9/2021)

Percutian dato' Zainal 19 lambat pulang (14/9/2021)

Dr Aeban: Ujian inferensias COVID-19 dengan September tel (14/9/2021)

[Selanjutnya](#) [Beranda](#) [Kategori](#)

**BERITA:** 44

## Perkongsian data Covid-19 lambat 10 bulan, kata Dr Dzulfiyati

**Penulis:** [Malaysiakini](#) | **Tarikh:** 17/9/2021 | **Bacaan:** 27M | **Kategori:** [Sains & Teknologi](#) | [Politik](#) | [Kesihatan](#)

**PARLIMENTER** Ahli Parlimen Kuala Selangor Dr Dzulfiyati Ahmad membentur Menteri Sains dan Teknologi Bala berkata, kerajaan tidak memberikan maklumat tentang perkongsian data Covid-19 dalam masa yang terlambat 10 bulan memandangkan jumlah keselamatan jangkaan itu Covid-19 sudah mewabah sejak.

Sistem Gitihsa yang boleh diakses oleh orang ramai menyediakan maklumat berkenaan penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

Diseujukan minggu lalu, untuk menyediakan maklumat antara lainnya, ulasan dan pengiktirafan, kerusakan hasil tanaman, kiraan ECI dan jumlah diri basuk menerusi aplikasi MySejahtera.

"Saya (sejauh) belum temui teks asas (data yang dimasukkan dalam) Gitihsa ini cumanya 10 months lalu (terlambat 10 bulan), katanya yang juga bekas menteri kesihatan di Dewan Rakyat.

Bagaimanapun Ahli menjelaskan, "Tak apa, sekurang-kurangnya ada tuh dengan jemuan tuh, Dzulfiyati Ahmad tuh dengan peranan dia dalam menurunkan entri faktor yang menyumbang kepada peningkatan jangkaran adalah keberangkatan KKM berkongsi data secara terperinci dengan kerajaan Selangor."



Dr. Dzulfiyati Ahmad

Untuk rekod, Selangor telah menjadi negeri yang mencatatkan jumlah kes harian Covid-19 yang tertinggi di Malaysia.

"Tu bukan persamaan, Persamaannya kerana tidak berkongsi data, dalam keadaan negara suatu setih setu jika kita tidak berkongsi data, katanya.

Namun, Ahli membantah bahawa jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) ada taksu Tax Fon Covid-19 Selangor yang diberikan oleh Dzulfiyati.

Bagaimanapun Dzulfiyati kemaslahat menduduki ADS tidak berasarkan berlogori data yang kengang Selangor.

**Adham:** Yang berkohesi (Dzulfiyati) menginggirkan Dewan.

**Dzulfiyati:** Dia yang menggilang Dewan? (Dia) sleeping on the job (anda tidak kuat kepal) tu tontongngek anda.

Tidak peduli dengan seorang Dzulfiyati Adham merenungkan penginggiran dengan menyentuh isu ejan saringan Covid-19 secara besar-besaran.

Bagaimanapun, Ahli salah loging oleh Dzulfiyati yang merendahka dia berbongkah bekerja sijil senring secara besar-besaran telah diadak di setiap negeri.

Adham berkata terdapat 15 sijil yang saringan yang dibuat untuk membenarkan penularan Covid-19.

"Inti merupakan instansi yang buat sebenarnya yang dipalakkan oleh KKM dan setiap negeri sajapandemik berisikan."

"KKM telah menerakan ujian bersarang teratas mesej dan juga-juga mesej di kawasan PDRM perihal kawasan pengarakan diperketatkan," kata Adham merenungkan ucapan penginggiran.

Dzulfiyati lagi merelat dan mempersenang negeri yang terlibat dalam ujian saringan Covid-19 secara besar-besaran yang dibuat oleh Ahlam.

"Di mana? Lan kah canggah sahaja, mana data? Jangan berbongkah dalam Dewanyang minna."

"Di mana? Di negara? Lan kah buat? Jangan lah buat. Di Selangor pun kene terik-tilai buat, apatah lagi di negara lain, ketemu lagi."

**Best pengetahuan anda!**

Anda perlu mengikuti entiti yang menjalankan berita. Andai dapat memperoleh konten sebenar dan mendekat kepada sumber berita dan maklumat.

[JALAN JALAN BERPENGARAH BERSAMA BEST!](#)

Berita dan media media berita.

[BACA LEBIH BANYAK](#) [BERITABERITA](#) [BERITABERITA](#) [BERITABERITA](#)



